Bandingkan ciri-ciri stamen dan karpel.

Compare the characteristics of stamen and carpel.


.....

.....

.....

[2 markah/marks]

5. Rajah 5.1 menunjukkan sistem pencernaan manusia
Diagram 5.1 shows human digestive system.



Rajah 5.1/ Diagram 5.1

(a) (i) Nyatakan nama struktur X dan enzim yang terlibat.
State the name of structure X and the enzyme involved.
 Struktur X/ *Structure X*:

Enzim yang terlibat/ *Involved enzyme*:
 [2 markah/marks]

(ii) Nyatakan satu contoh bahan yang dicernakan oleh enzim di 1 a (i).
State one example of the substance hydrolyze by enzyme in 1 a (i).

 [1 markah/mark]

(b) Lengkapkan Jadual 1 untuk menunjukkan perbezaan pencernaan protein di Y dan Z.
Complete Table 1 to show the differences of protein digestion in Y and Z.

Y	Z
Menggunakan enzim tripsin <i>Using trypsin enzyme</i>	
	Menghasilkan asid amino <i>Produce amino acid</i>

[2 markah/marks]

(c) Rajah 5.2 menunjukkan Pinggan Sihat Malaysia. Pinggan Sihat Malaysia menggambarkan kuantiti relatif pelbagai kelas makanan dalam gizi seimbang.
Diagram 5.2 shows a Pinggan Sihat Malaysia. Pinggan Sihat Malaysia illustrates the relative quantity of various food classes in a balanced diet.



Rajah 5.2/ Diagram 5.2

Encik Y mengalami masalah dalam mengawal berat badan. Terangkan kepentingan

pengambilan Pinggan Sihat Malaysia dalam menu hariannya.

Mr. Y has problems in controlling his weight. Explain the importance of taking Malaysian Healthy Plates in his daily menu.

.....


.....

.....

[3 markah/marks]

6. Rajah 6.1 menunjukkan beberapa organisma dalam satu alam.

Diagram 6.1 shows several organisms in a kingdom.



Rajah 6.1/ Diagram 6.1

(a) Nyatakan alam dan jenis nutrisi bagi organisma dalam Rajah 6.1
State the kingdom and types of nutrition for the organism shown in Diagram 6.1.
 Alam/ Kingdom :

Nutrisi/ Nutritions:


[2 markah/marks]

(b) Berdasarkan Rajah 6.1, nyatakan jenis biodiversiti bagi organisma – organisma dalam ekosistem.
Based on Diagram 6.1, state the types of biodiversity of organisms in ecosystem.

.....

[1 markah/marks]

- (c) Rajah 6.2 menunjukkan peranan mikroorganisma berfaedah dalam suatu ekosistem. *Diagram 6.2 shows the roles of useful microorganism in an ecosystem.*



Rajah 6.2/ Diagram 6.2

- (i) Encik X merupakan seorang petani yang mengamalkan tanaman secara bergilir mengikut musim. Salah satunya dengan cara menanam tumbuhan kekacang. Berdasarkan Rajah 6.2, terangkan keperluan menanam tumbuhan kekacang dalam tanaman bergilir.
Mr. X is a farmer who practices crop rotation according to the season. One of them is by planting leguminous plants. Based on Diagram 6.2, explains the necessity of planting leguminous plants in crop rotation.

.....

[3 markah/marks]


- (ii) Berdasarkan Rajah 6.2, terangkan perbezaan antara proses X dan proses Y.
Based on Diagram 6.2, explain the differences between process X dan process Y.

.....

[2 markah/marks]

7. Rajah 7.1 menunjukkan mekanisme pertahanan X dan Y yang berlaku di dalam badan manusia terhadap serangan antigen.

Diagram 7.1 shows defence mechanism X and Y which occur inside human's body towards invading antigen.



Rajah 7.1
Diagram 7.1

- (a) (i) Namakan jenis barisan pertahanan yang ditunjukkan dalam Rajah 7.1.
Name the type of defence mechanism in Diagram 7.1.

X:

Y:

[2 markah/marks]

- (a) (ii) Berdasarkan Rajah 7.1 terangkan tindakan lisosom dalam mekanisme pertahanan X?
Based on Diagram 7.1, explain the action of lysosome in defence mechanism X?

.....
.....

[1 markah/mark]

- (b) Rajah 7.2 menunjukkan seorang individu terpijak paku yang berkarat.
Diagram 7.2 shows an individual accidentally stepped on a rusted snail.



Rajah 7.2
Diagram 7.2

Sebagai seorang doktor, cadangkan rawatan segera yang boleh diberikan kepada individu tersebut.

As a doctor, suggest an immediate treatment that can be given to the individual.


.....

.....

.....

[3 markah/marks]

- (c) Rajah 7.3 menunjukkan poster tentang Kempen Kesedaran Penyusuan Susu Ibu.
Diagram 7.3 shows a poster about Breastfeeding Awareness Campaign.



Susu ibu menyelamatkan nyawa anak dan memberikan perkembangan yang sihat dari segi keimunan

Breast milk saves baby's life and gives a healthy development in term of immunity



Rajah 7.3
 Diagram 7.3

Seorang wanita hamil yang positif virus kurang daya tahan manusia (HIV) merancang untuk menyusu bayinya.

Berdasarkan pengetahuan biologi anda, wajarkan tindakannya.

A pregnant woman with positive Human Immunodeficiency virus (HIV) planning to breast feeding her baby.

Based on your biological knowledge, justify her action.

Justifikasi/ Justification:

.....


.....

.....


Penerangan/ Explanation:

[3 markah/marks]

8. Rajah 8.1 menunjukkan aktiviti yang dijalankan di suatu kawasan perindustrian.
 Diagram 8.1 shows an activity carried out in an industrial area.



Rajah 8.1 (a)
 Diagram 8.1 (a)



Rajah 8.1(b)
 Diagram 8.1(b)

- (a) (i) Apakah fenomena yang ditunjukkan dalam Rajah 8.1(a)?
 What is the phenomenon shown in Diagram 8.1(a)?

[1 markah/mark]

- (a) (ii) Berdasarkan Rajah 8.1(a) dan Rajah 8.1(b), bezakan kedua-dua fenomena berdasarkan aspek yang diberikan.
 Based on Diagram 8.1(a) and Diagram 8.1(b), differentiate between both phenomena based on the given aspects.

Aspek <i>Aspect</i>	Rajah 8.1(a) <i>Diagram 8.1(a)</i>	Rajah 8.1(b) <i>Diagram 8.1(b)</i>
Punca <i>Cause</i>		
Hujan yang turun <i>Rain that falls</i>		
Kesan kepada tanah <i>Effect on soil</i>		
Kesan kepada tumbuhan <i>Effect to plants</i>		

[4 markah/marks]

(b)

Keselamatan makanan berlaku apabila semua orang dapat mengakses makanan yang cukup, selamat dan berkhasiat untuk memenuhi keperluan mereka untuk kehidupan yang sihat. Di peringkat global kini, kira-kira 795 juta orang menghadapi kelaparan setiap hari dan lebih daripada dua bilion orang kekurangan mikronutrien penting yang menjejaskan kesihatan dan jangka hayat mereka.

Food security occurs when all people are able to access sufficient, safe and nutritious food to meet their requirements for a healthy life. Globally there are now around 795 million people face hunger on a daily basis and more than two billion people lack vital micronutrients affecting their health and life expectancy.

Rajah 8.2 menunjukkan keadaan kanak-kanak di suatu negara yang mengalami ancaman sekuriti makanan.

Diagram 8.2 shows a situation where children in a country are experiencing food security threats.



Rajah 8.2
Diagram 8.2

Melalui Dasar Agromakanan Negara (DAN), cadangkan tanggungjawab pihak kerajaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak di negara tersebut.

Through National Agro-Food Policy (NAFP), suggest the responsibilities of the government in order to overcome the problems experienced by the children in that country.

.....

.....

.....

[2 markah/marks]

- (c) Rajah 2.3 menunjukkan contoh bangunan hijau yang terletak di Penang, Malaysia.
Diagram 2.3 shows an example of green building in Penang, Malaysia.



Rajah 8.3
Diagram 8.3

Berdasarkan Rajah 8.3, cadangkan aspek yang perlu dipertimbangkan oleh arkitek untuk membina bangunan yang berkonsepkan bangunan hijau.

Based on Diagram 8.3, suggest aspects that need to be considered by architect in building a building with green building concept?

.....


.....

.....

[2 markah/marks]
Mencipta

BAHAGIAN B
Section B

9. Rajah 9 menunjukkan struktur ginjal manusia.
Diagram 9 shows the structure of a human kidney.



Rajah 9
Diagram 9

- a. Berdasarkan Rajah 9, name struktur P dan Q.
Based on Diagram 9, name structure P and Q.

[2 marks/markah]

- b. Seorang individu didapati mempunyai batu karang dalam ginjal. Terangkan bagaimana pembentukan batu karang berlaku dan kesannya terhadap kesihatan beliau.
An individual is found to have a kidney stone in his body. Explain how kidney stone formation occurs and the effect on his health.

[8 marks/markah]

- c. Individu R : Makan telur masin dan minum kurang air.
Individual R : Eat salty eggs and drink less water.
- Individu R : Makan telur rebus dan minum banyak air.
Individual R : Eat boiled eggs and drink more water.

Hormon antidiuretik (ADH) terlibat dalam kawal atur air. Aldosteron terlibat dalam kawal atur garam.

Terangkan perbezaan bagi pengawalaturan kandungan air dan kandungan garam dalam individu R dan individu S berdasarkan aspek berikut:

- Tekanan osmosis darah
- Jumlah hormon antidiuretik (ADH) dan tindakannya
- Jumlah aldosteron dan tindakannya
- Kesan hormon antidiuretik (ADH) dan aldosteron ke atas air kencing yang dihasilkan dan tekanan osmosis darah

Antidiuretic hormone (ADH) is involved in regulation of water. Aldosterone is involved in regulation of salt.

Explain the differences in regulation of water and salt contents in individual R and S based on the following aspects:

- *Blood osmotic pressure*
- *Amount of antidiuretic hormone (ADH) and its action*
- *Amount of aldosterone and its action*
- *Effect of antidiuretic hormone (ADH) and aldosterone on the urine produced and blood osmotic pressure*

[10 marks/markah]

10. Rajah 10.1 menunjukkan sistem pembiakan perempuan dengan sebelah ovari yang normal dan sebelah ovari yang mempunyai Sindrom Ovari Polisistik (PCOS) dalam ovari

Diagram 10.1 shows the female reproductive system with one ovary normal and another ovary with Polycystic ovary syndrome (PCOS).




Diagram 10.1
Diagram 10.1

- (a) (i) Berdasarkan Rajah 10.1, namakan hormon X dan hormon Y serta jelaskan fungsi hormon-hormon ke atas endometrium sebagai persediaan penempelan embrio.
Based on Diagram 10.1, name the hormone X and Hormone Y and explain the function of these hormone accordingly to endometrium in preparation for embryo implantation.

[4 markah/marks]

- (a) (ii) Puan Rina berumur 35 tahun berhasrat mengandung untuk mendapatkan anak. Tetapi beberapa kali cuba masih tidak berjaya mengandung. Justeru Puan Rina pergi membuat pemeriksaan doktor dan mendapati sebelah ovari kiri mempunyai Sindrom Ovari Polisistik (PCOS) seperti Rajah 10.1. PCOS menyebabkan ketidakseimbangan hormon pembiakan di mana mencetuskan masalah dalam ovari.


Madam Rina, who is 35 years, decides to have a child but she failed to conceive after trying few times. So, she went to do medical check-up dan had found that she has Polycystic ovary syndrome (PCOS) on her left ovary, as shown in Diagram 10.1. PCOS caused reproductive hormone imbalances which creates problems in the ovary.

Terangkan bagaimana PCOS ini menyebabkan Puan Rina tidak berjaya mengandung.

Explain how PCOS causes Puan Rina fail to conceive.

[4 markah/marks]

- (b) (i) Rajah 10.2 menunjukkan lengkung pertumbuhan manusia.
Diagram 10.2 shows human growth curve.



Rajah 10.2
Diagram 10.2

Jelaskan peristiwa yang berlaku pada fasa Q.


Explain the events that happen during Q phase.

[2 markah/marks]

- (ii) Rajah 10.4 dan Rajah 10.5 menunjukkan pertumbuhan pada manusia dan belalang.
Diagram 10.4 and Diagram 10.5 show the growth of human dan grasshopper.



Rajah 10.3
Diagram 10.3




Rajah 10.4
Diagram 10.4

Banding bezakan pertumbuhan manusia dengan pertumbuhan belalang.
Compare and contrast the growth of human and grasshoppers

[10 markah/marks]

BAHAGIAN C
Section C

- 11 (a)** Rajah 11.1 menunjukkan variasi pada rama-rama *Biston betularia* iaitu berwarna cerah dan gelap yang hidup pada batang pokok.
Diagram 11.1 shows variation in the Biston betularia moths, which is the bright and dark coloured live on a tree trunk.



Rajah 11.1/ *Diagram 11.1*




Berdasarkan Rajah 11.1, rama-rama Biston yang manakah hidup lebih baik pada batang pokok tersebut? Huraikan kepentingan variasi kepada kemandirian rama-rama Biston di dalam persekitaran yang berbeza.

Based on Diagram 11.1, which Biston moth lives better on the tree trunk? Describe the importance of variation to the survival of Biston moths in different environment.

[4 markah / marks]

- (b)(i)** Cap ibu jari dan jisim badan adalah dua jenis variasi yang terdapat pada manusia. Jadual 11 menunjukkan variasi pada cap ibu jari dan taburan jisim badan sekumpulan murid Tingkatan 5A.

Thumbprint and body mass are two types of variation in human. Table 11 shows the variation in thumbprint and distribution of body mass of Form 5A students

Jenis cap jari <i>Type of thumbprint</i>			
	Lengkung <i>Arch</i>	Gelung <i>Loop</i>	Pusar <i>Whorl</i>
Bilangan murid <i>Number of student</i>	10	11	6

Jisim badan (kg) <i>Body mass (kg)</i>	31 - 40	41 - 50	51 - 60	61 - 70	71 - 80
Bilangan murid <i>Number of students</i>	3	5	10	7	2

Jadual 11/ *Table 11*

Kenal pasti jenis variasi bagi cap ibu jari dan jisim badan.
Terangkan bagaimana perbezaan antara kedua-dua jenis variasi tersebut dapat ditunjukkan.

Identify the type of variation for thumbprint and body mass.

Explain how the difference between the two types of variation can be shown.

[6 markah / *marks*]

- (b)(ii) Rajah 11.2 menunjukkan variasi pada warna kulit individu X dan Y.
Diagram 11.2 shows variation on skin colour of individual X and Y.



Individu X
Individual X



Individu Y
Individual Y

Rajah 11.2
Diagram 11.2

Terangkan bagaimana trait warna kulit diwarisi oleh individu Y berbanding individu X.

Bincangkan kesan variasi tersebut kepada kehidupan harian individu Y

Explain how the trait of skin colour is inherited by individual Y compared to individual X.

Discuss the effect of the variation on daily life of individual Y.

[6 markah / *marks*]

- (c) Pernyataan berikut menerangkan tentang mutagen.
The following statement describes about mutagen.

Mutagen merupakan bahan yang menyebabkan mutasi berlaku. Jenis mutagen termasuklah agen fizikal seperti sinar ultraungu dan sinar pengionan, agen kimia seperti karsinogen dalam asap rokok atau bahan pengawet makanan dan agen biologi seperti virus dan bakteria. Mutagen ini mengakibatkan berlaku perubahan spontan dan rawak pada kandungan genetik iaitu DNA dalam sel organisma.

Mutagen is a substance which causes mutation. Types of mutagen includes physical agents such as ultraviolet rays and ionising rays, chemical agents such as carcinogen in cigarette smoke or food preservatives and biological agents such as virus and bacteria. This mutagen causes spontaneous and random change of genetic material, namely DNA of the cell in an organism.

Berdasarkan pernyataan di atas, terangkan kemungkinan perubahan yang berlaku pada struktur suatu kromosom yang normal apabila terdedah kepada agen mutagen.

Based on the statement above, explain the possible changes that occur in the structure of a normal chromosome when exposed to mutagenic agents.

Kromosom normal
Normal chromosome



[4 markah / marks]
Konstruk: Mencipta

**SKEMA JAWAPAN/PEMARKAHAN
PRAKTIS BIOLOGI 4551/2
SET 1
CADANGAN SKEMA PEMARKAHAN
SUGGESTED MARKING SCHEME**

Soalan 1	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
(a)	P : Lamina / <i>Lamina</i> Q : Petiol / <i>Petiole</i>	1 1	2
(b) (i)	Stoma	1	1
(b) (ii)	P1: Air tersejat keluar (daripada daun) dalam bentuk wap air <i>Water evaporate out (from the leaves) in the form of water vapour</i> P2: melalui proses transpirasi <i>through transpiration process</i>	1 1	2
(b) (iii)	P1 : stoma akan tertutup <i>the stoma will be closed</i> P2 : mengurangkan kehilangan air dari tumbuhan <i>to reduce water loss from plants</i> P3 : proses transpirasi akan berkurangan <i>the process of transpiration will be reduced</i> Mana-mana 1	1 1 1	1
		JUMLAH	6

Soalan 2	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah		
(a) (i)	Dapat menamakan struktur R dan S Contoh jawapan: R: Protein liang <i>Pore / Channel protein</i> S: Dwilapisan fosfolipid <i>Phospholipid bilayer</i>	 1 1	2		
(ii)	Dapat melengkapkan jadual Contoh jawapan :		2		
	<table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 30%;">Contoh bahan <i>Example of</i></td> <td>Air / oksigen / karbon dioksida <i>Water / oxygen / carbon dioxide</i></td> </tr> </table>	Contoh bahan <i>Example of</i>	Air / oksigen / karbon dioksida <i>Water / oxygen / carbon dioxide</i>	1	
Contoh bahan <i>Example of</i>	Air / oksigen / karbon dioksida <i>Water / oxygen / carbon dioxide</i>				

	<i>substance</i> Ciri bahan <i>Characteristics of substance</i>	Kecil <i>Small</i>	1	
(b)	P1: Air tersejat keluar (daripada daun) dalam bentuk wap air <i>Water evaporate out (from the leaves) in the form of water vapour</i> P2: melalui proses transpirasi <i>through transpiration process</i>		1 1	2
(b) (iii)	P1 : air suling adalah hipotonik terhadap sel darah merah <i>Distilled water is hypotonic towards red blood cells</i> P2 : molekul air meresap ke dalam sel secara osmosis <i>Water molecules diffuse out from the cell by osmosis</i> P3 : sel akan mengembang dan meletus // hemolisis berlaku <i>Cell will expand and burst // haemolysis occurs</i> Mana-mana 2		1 1 1	2
			JUMLAH	6

Soalan 3	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
(a)	Dapat menamakan X dan W- Able to name X and W. Contoh jawapan: X: Sukrase / <i>Sucrase</i> W: Sukrosa / <i>Sucrose</i>	1 1	2
(b)	Dapat menyatakan dua ciri enzim lipase. Able to state two characteristics lipase enzyme. Contoh jawapan: P1: Struktur enzim tidak berubah <i>The structure of enzyme remains unchanged</i> P2: Enzim tidak musnah selepas suatu tindak balas <i>The enzyme is not destroyed after a reaction</i> P3: Tindak balas enzim adalah spesifik/ hanya sukrosa sahaja sepadan dengan tapak aktif sukrase <i>The reaction of enzyme is specific/ only sucrose can fit with the active site of sucrase</i>	1 1 1	2
(c)	Dapat merangkan kegunaan enzim tersekat gerak. Able to explain the uses of immobilised enzymes.		3

	P1: Enzim Amilase/Lipase/Protease/Selulase digunakan di dalam pencuci bio. <i>Amylase/Lipase/Protease/Cellulase enzymes are used in bio detergent.</i>	1	
	P2: Enzim Pektinase/Selulase digunakan di dalam penghasilan jus. <i>Pectinase/Cellulase enzyme are used in juice production.</i>	1	
	P3: Enzim tripsin mengekstrak bulu haiwan dari kulit untuk menghasilkan barang kulit. <i>Trypsin enzyme extracts fur from animal hide to make leather product</i>	1	
	JUMLAH		7

Soalan 4	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
(a)	Dapat menamakan A dan B- Able to name A and B. Contoh jawapan: A: Tiub debunga/ <i>Pollen tube</i> B: Pundi embrio / <i>Embryo sac</i>	1 1	2
(b)	Dapat menyatakan satu fungsi struktur C. Able to state one function of structure C. Contoh jawapan: P1: C ialah gamet jantan. <i>C is male gamete.</i> P2: Satu gamet jantan akan bersenyawa dengan sel telur membentuk zigot diploid. <i>One male gamete will fuse with the egg cell to produce diploid zygote.</i> P3: Gamet jantan yang kedua akan bersenyawa dengan dua nukleus kutub membentuk endosperma triploid. <i>The second male gamete will fuse with two polar nuclei to form triploid endosperm.</i>	1 1 1	1
(c)	Dapat merangkan perkembangan biji dan buah Able to explain the uses of fruits and seeds P1: Zigot berkembang menjadi embrio dan biji benih. <i>The zygote will develop into embryo and seed.</i> P2: Tisu endosperma membekalkan nutrien kepada embrio. <i>The endosperm tissue will provide nutrient for the embryo.</i>	1 1	2

	P3: Ovary berkembang menjadi buah. <i>The ovary will develop into fruit.</i>	1										
(d)	Dapat membanding stamen dan karpel <i>Able to compare stamen and carpel</i> Persamaan/ <i>Similarity:</i> P1: Kedua-duanya menghasilkan gamet <i>Both produce gametes.</i> P2: Kedua-duanya terletak pada organ bunga. <i>Both are located at the flower's organ.</i> Perbezaan/ <i>Differences:</i>	1										
	<table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Stamen/ <i>Stamen</i></th> <th>Karpel/ <i>Carpel</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P3</td> <td>Bahagian jantan bunga <i>Male flower part</i></td> <td>Bahagian betina bunga <i>Female flower part</i></td> </tr> <tr> <td>P4</td> <td>Menghasilkan debunga <i>Produce pollen grain</i></td> <td>Menghasilkan pundi embrio <i>Produce embryo sac</i></td> </tr> </tbody> </table>		Stamen/ <i>Stamen</i>	Karpel/ <i>Carpel</i>	P3	Bahagian jantan bunga <i>Male flower part</i>	Bahagian betina bunga <i>Female flower part</i>	P4	Menghasilkan debunga <i>Produce pollen grain</i>	Menghasilkan pundi embrio <i>Produce embryo sac</i>	1	
	Stamen/ <i>Stamen</i>	Karpel/ <i>Carpel</i>										
P3	Bahagian jantan bunga <i>Male flower part</i>	Bahagian betina bunga <i>Female flower part</i>										
P4	Menghasilkan debunga <i>Produce pollen grain</i>	Menghasilkan pundi embrio <i>Produce embryo sac</i>										
		1										
	JUMLAH		7									

Soalan 5	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
(a) (i)	Dapat menamakan nama struktur X dan enzim yang terlibat. <i>Able to name structure of X and enzyme involved.</i> Struktur X : kelenjar air liur <i>Structure X : salivary gland</i> Enzim yang terlibat : enzim amilase (air liur) <i>Involved enzyme : (saliva) amylase enzyme</i>	1	
		1	2
(a) (ii)	Dapat menyatakan satu contoh bahan dicernakan <i>Able to state one example of substance hydrolyze</i> Kanji <i>Starch</i>	1	1

(b)	<p>Dapat melengkapkan perbezaan pencernaan protein di X dan Y. <i>Able to complete the differences in protein digestion in Y and Z.</i></p> <p>X : Melibatkan enzim pepsin <i>Involved pepsin enzyme</i></p> <p>Y : menghasilkan peptide <i>produce peptide</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	<p>2</p>
(c)	<p>Dapat menerangkan kepentingan pengambilan Pinggan Sihat Malaysia <i>Able to importance of taking Malaysian Healthy Plates</i></p> <p>P1 : mengandungi kuantiti nutrien yang cukup karbohidrat/protein/lemak/vitamin/serat <i>P1 : consist adequate amount of carbohydrate/protein/fats/vitanis/fiber.</i></p> <p>P2 : karbohidrat membekalkan tenaga <i>P2 : carbhydrate provide energy</i></p> <p>P3 : protein membina sel baharu/perbaiki tisu rosak <i>P3 : protein sysnthesis new cell/repair damage tissue</i></p> <p>P4 : vitamin membantu mengekalkan kesihatan yang baik <i>P4 : vitamins help maintain good health</i></p> <p>P5 : serat membantu peristalsis//mengurangkan risiko sembelit <i>P5 : fibers help in peristalsis//reduce the risk of constipation.</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3P Any 3Ps</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	<p>3</p>
		JUMLAH	8

Soalan 6	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
(a)	<p>Dapat menyatakan alam dan jenis nutrisi bagi organisma dalam Rajah 6.1 <i>Able to state the kingdom and types of nutrition for the organism shown in Diagram 6.1.</i></p> <p>Alam : Animalia <i>Kingdom : Animalia</i></p> <p>Nutrisi : heterotrof <i>Nutrition : heterotrof</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	<p>2</p>
(b)	<p>Dapat menyatakan jenis biodiversiti bagi organisma organisma dalam ekosistem.</p>		

	<p><i>Able to state the types of biodiversity of organisms in ecosystem.</i></p> <p>Diversiti spesies <i>Species diversity</i></p>	1	1
(c) (i)	<p>Dapat menerangkan keperluan menanam tumbuhan kekacang dalam tanaman bergilir. <i>Able to explains the necessity of planting leguminous plants in crop rotation.</i></p> <p>P1 : pokok legum mempunyai nodul-nodul di akar <i>P1 : legume plants has nodules at its roots.</i></p> <p>P2 : habitat bakteria <i>Rhizobium sp.</i> <i>P2 : habitat of bacteria Rhizobium sp.</i></p> <p>P3 : bakteria berfungsi menukarkan gas nitrogen di udara kepada sebatian ammonium. <i>P3 : bacteria work to convert nitrogen in air to ammonium compound.</i></p> <p>P4 : tanah mengandungi sebatian ammonium/nitrat merupakan tanah yang subur <i>P4 : Soils that contain ammonium/nitrate are fertile</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 3P Any 3Ps</p>	1 1 1 1	3
(c)	<p>Dapat menerangkan perbezaan antara proses X dan proses Y. <i>Able to importance of differences between process X dan process Y.</i></p> <p>P1 : Proses X ialah penitritan manakala proses Y pendenitirian <i>P1 : Process X is nitrification while process Y denitrification</i></p> <p>P2: Proses X melibatkan <i>Azotobacter sp/Nitrosomonas sp/Nitrobacter sp</i> manakala proses Y melibatkan bakteria pendenitritan. <i>P2 : Process X involved Azotobacter sp/Nitrosomonas sp/Nitrobacter sp while process Y involved denitrification bacteria.</i></p> <p>P3: Proses X menukarkan ammonia kepada nitrit/nitrit kepada nitrat manakala proses Y menukarkan nitrat kepada nitrogen. <i>P3 : Process X convert ammonium to nitrit/nitrit to nitrate while proses Y convert nitrate to nitrogen.</i></p> <p style="text-align: right;">Mana-mana 2P Any 2Ps</p>	1 1 1	2
		JUMLAH	8

Soalan	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
7(a)(i)	<p>Dapat menamakan jenis barisan pertahanan dengan betul <i>Able to name the type of defence mechanism correctly</i> <u>Sample Answer</u></p> <p>X: Barisan pertahanan kedua/ <i>Second line of defence</i></p> <p>Y: Barisan pertahanan ketiga/ <i>Third line of defence</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	2
7(a)(ii)	<p>Dapat menerangkan tindakan lisosom dengan betul <i>Able to explain the action of lysosome correctly</i> <u>Sample Answer</u></p> <p>P1 – Merembes lisozim (ke dalam fagosom) <i>Secrete lysozyme (into the phagosome)</i></p> <p>P2 – untuk memusnahkan patogen <i>to destroy pathogen</i></p> <p style="text-align: right;"><i>Any 1</i></p>	<p>1</p> <p>1</p>	1
7(b)	<p>Dapat mencadangkan rawatan segera yang boleh diberikan dengan betul <i>Able to suggest an immediate treatment that can be given correctly</i> <u>Sample Answer</u></p> <p>P1 – Perlu diberi suntikan antiserum <i>Should be given injection of antiserum</i></p> <p>P2 – Antiserum mengandungi antibodi spesifik <i>Antiserum contains specific antibody</i></p> <p>P3 – Aras antibodi dalam darah melebihi aras keimunan <i>Antibody level in the blood exceeds level of immunity</i></p> <p>P4 – Memberi perlindungan serta-merta <i>Gives immediate protection</i></p> <p>P5 – Memperoleh keimunan pasif buatan <i>Acquired artificial passive immunity</i></p> <p>P6 – Keimunan bersifat sementara dan tidak kekal lama <i>Immunity is temporary and does not persist</i></p> <p>P7 – Suntikan kedua/ dos penggalak perlu diberi sekiranya aras antibodi dalam darah jatuh di bawah aras keimunan <i>Second injection/booster dose need to be given when the antibody level in the blood drops below the level of immunity</i></p> <p style="text-align: right;"><i>Any 3</i></p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	3
7(c)	<p>Dapat memberi justifikasi tindakan wanita hamil tersebut dengan betul <i>Able to justify the action of pregnant woman correctly</i></p>		

<p><u>Sample answer</u></p> <p>F – Tidak sesuai menyusu bayi <i>Not suitable breastfeeding the baby</i></p> <p>P1 – HIV boleh dipindahkan kepada bayinya semasa penyusunan <i>HIV can be transferred to the baby during breastfeeding</i></p> <p>P2 – Memusnahkan limfosit dalam bayi <i>Destroys the lymphocyte in baby</i></p> <p>P3 – Melemahkan sistem keimunan bayi <i>Weaken the immune system of baby</i></p> <p>P4 – Badan mudah dijangkiti penyakit lain <i>Body can be easily infected by other diseases</i></p> <p style="text-align: right;">F + Any 2P</p>	1	3
	1	
	1	
	1	
	1	
	1	
Jumlah		9

Soalan	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah									
8(a)(i)	<p>Dapat menyatakan fenomena yang ditunjukkan dengan betul <i>Able to state the phenomena shown correctly</i></p> <p><u>Sample Answer</u></p> <p>Hujan asid/ <i>Acid rain</i></p>	1	1									
8(a)(ii)	<p>Dapat membezakan Rajah 8.1(a) dan 8.1(b) berdasarkan aspek : <i>Able to differentiate between Diagram 8.1(a) and 8.1(b) based on the following aspects:</i></p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Aspek <i>Aspect</i></th> <th style="text-align: center;">Rajah 8.1(a) <i>Diagram 8.1(a)</i></th> <th style="text-align: center;">Rajah 8.1(b) <i>Diagram 8.1(b)</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p>Punca <i>Cause</i></p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>P1 : gas nitrogen oksida / sulfur dioksida bergabung dengan wap air di atmosfera <i>Nitrogen oxide / sulphur dioxide gas combine with water vapour in the atmosphere</i></p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>Wap air terbentuk <i>Water vapour formed</i></p> </td> </tr> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <p>Kandungan hujan yang turun <i>Content of rains that fall</i></p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>P2 : (Hujan mengandungi) asid nitrik / sulfurik <i>Rain contains nitric / sulphuric acid</i></p> </td> <td style="vertical-align: top;"> <p>(Hujan mengandungi) air <i>(Rain contains) water</i></p> </td> </tr> </tbody> </table>	Aspek <i>Aspect</i>	Rajah 8.1(a) <i>Diagram 8.1(a)</i>	Rajah 8.1(b) <i>Diagram 8.1(b)</i>	<p>Punca <i>Cause</i></p>	<p>P1 : gas nitrogen oksida / sulfur dioksida bergabung dengan wap air di atmosfera <i>Nitrogen oxide / sulphur dioxide gas combine with water vapour in the atmosphere</i></p>	<p>Wap air terbentuk <i>Water vapour formed</i></p>	<p>Kandungan hujan yang turun <i>Content of rains that fall</i></p>	<p>P2 : (Hujan mengandungi) asid nitrik / sulfurik <i>Rain contains nitric / sulphuric acid</i></p>	<p>(Hujan mengandungi) air <i>(Rain contains) water</i></p>	1	4
Aspek <i>Aspect</i>	Rajah 8.1(a) <i>Diagram 8.1(a)</i>	Rajah 8.1(b) <i>Diagram 8.1(b)</i>										
<p>Punca <i>Cause</i></p>	<p>P1 : gas nitrogen oksida / sulfur dioksida bergabung dengan wap air di atmosfera <i>Nitrogen oxide / sulphur dioxide gas combine with water vapour in the atmosphere</i></p>	<p>Wap air terbentuk <i>Water vapour formed</i></p>										
<p>Kandungan hujan yang turun <i>Content of rains that fall</i></p>	<p>P2 : (Hujan mengandungi) asid nitrik / sulfurik <i>Rain contains nitric / sulphuric acid</i></p>	<p>(Hujan mengandungi) air <i>(Rain contains) water</i></p>										

	<p>Kesan kepada tanah <i>Effect on soil</i></p>	<p>Tanah menjadi tidak subur // berasid // pH kurang dari 5 <i>Soil becomes infertile // acidic // pH less than 5</i></p>	<p>Tanah menjejaskan pH tanah <i>Soil pH is not affected</i></p>	1		
	<p>Kesan kepada pokok <i>Effect to plants</i></p>	<p>Memusnahkan tisu daun / akar tumbuhan <i>Destroy leaf tissues / plant roots</i></p>	<p>Akar tumbuhan mendapat bekalan air <i>Plant roots get their water source</i></p>	1		
8(c)	<p>Dapat mencadangkan tanggungjawab pihak kerajaan untuk mengatasi ancaman keselamatan makanan dengan betul <i>Able to suggest the responsibility of the government to overcome food security threats correctly</i></p> <p><u>Sample answer</u></p> <p>P1 – Menyediakan program makanan sihat seperti program sarapan sihat <i>Provides healthy food program such as healthy breakfast program</i></p> <p>P2 – Menyediakan program jaringan keselamatan sekuriti makanan seperti Program Bank Makanan <i>Provides a safety network program of food security such as Food Bank Program</i></p> <p>P3 – Mengadakan program bagi meningkatkan taraf hidup penduduk <i>Organises programs to increase the living standards of people</i></p> <p>P4 – Memberikan pendidikan kepada isi rumah mengenai pemilihan diet yang selamat dan sihat/ teknik penghasilan, pemprosesan, penyimpanan dan pengendalian makanan yang selamat <i>Gives education to the households about choosing safer and healthier diet/ safer techniques of producing, processing, storing and handling of food</i></p> <p style="text-align: right;"><i>Any 2</i></p>			1	1	2
7(c)	<p>Dapat mencadangkan aspek dan memberi penerangan kepada konsep bangunan hijau dengan betul <i>Able to suggest aspects and explain the concept of green building correctly</i></p> <p><u>Sample answer</u></p>					

P1 – Menggalakkan penggunaan sistem penadahan air hujan <i>Encourage uses of water catchment systems</i>	1	2
E1 – Air hujan dikumpul untuk menyiram pokok dan mencuci tandas <i>Rain water collected for plants watering and cleaning of toilets</i>	1	
P2 – Menggunakan panel solar untuk menukarkan tenaga solar kepada tenaga elektrik <i>Use solar panel to onvert solar energy to electrical energy</i>	1	
E2 – Jimat bil eletrik untuk pencahayaan di dalam bangunan <i>Save electric bill for lighting inside the buiding</i>	1	
P3 – Bahan binaan daripada tanah liat kurang memerangkap haba <i>Clay building materials trap less heat</i>	1	
E3 – Mengurangkan suhu di dalam bangunan <i>Reduce the temperature in building</i>	1	
P4 – Menanam pokok di kawasan sekeliling <i>Plants tree at surrounding area</i>	1	
E4 – Meningkatkan aras oksigen <i>Increase oxygen level</i>		
<i>Any aspect P and explanation E that match</i>		
Jumlah		9

Soalan	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
9(a)	Able to name structure P and Q : P : Ateri renal <i>Renal Artery</i> Q: Vena renal <i>Renal Vein</i>	1 1	2
9(b)	Able to explain the formation of kidney stone and the effect on health. Sample answer: <u>Formation of kidney stone:</u> P1: Disebabkan oleh diabetes mellitus / tekanan darah tinggi / obesiti <i>Caused by diabetes mellitus / high blood pressure / obesity</i>	1	8

	<p>P2: Jangkitan bakteria / nama bakteria yang betul <i>Bacterial infection / correct bacteria name</i></p> <p>P3: Kemalangan yang menyebabkan kecederaan pada organ buah pinggang <i>Accident that causes injury on kidney organs</i></p> <p>P4: Minum kurang air / pengambilan protein berlebihan <i>Drinking less water / excessive protein intake</i></p> <p>P5: Pengambilan berlebihan garam mineral / suplemen yang mengandungi kalsium tinggi / contoh yang betul <i>Excessive intake of mineral salts / supplements which contains high calcium / correct example</i></p> <p>P6: Menyebabkan kuantiti asid urik / kalsium oksalat / kalsium fosfat meningkat <i>Causes quantity of uric acid / calcium oxalate / calcium phosphate increases</i></p> <p>P7: Air kencing menjadi pekat <i>Urine becomes thick</i></p> <p>P8: (asid urik / kalsium oksalat / kalsium fosfat) Membentuk kristal / mengeras / melekat pada buah pinggang <i>(uric acid / calcium oxalate / calcium phosphate) Forming crystals / harden / stick to the kidneys</i></p> <p><u>Effect on health:</u></p> <p>S1: Kegagalan / kerosakan buah pinggang berlaku <i>Kidney failure / damage occurs</i></p> <p>S2: (batu ginjal) Ureter tersumbat <i>(kidney stone) Clogging the ureter</i></p> <p>S3: Mengurangkan pengeluaran air kencing <i>Decreased urine output</i></p> <p>(Atleast 7P + 1S)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>													
9(c)	<p>Able to explain the differences in regulation of water and salt contents in individual R and S.</p> <p>Sample answer :</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>R</th> <th>S</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P1</td> <td>Tekanan osmotik tinggi <i>Osmotic pressure of blood is high</i></td> <td>Tekanan osmotik rendah <i>Osmotic pressure of blood is low</i></td> </tr> <tr> <td>P2</td> <td>Lebih/banyak ADH dirembeskan <i>More ADH secreted</i></td> <td><u>Kurang</u> ADH dirembeskan <i>Less ADH (secreted)</i></td> </tr> <tr> <td>P3</td> <td>Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct more permeable to water</i></td> <td>Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct less permeable to water</i></td> </tr> </tbody> </table>		R	S	P1	Tekanan osmotik tinggi <i>Osmotic pressure of blood is high</i>	Tekanan osmotik rendah <i>Osmotic pressure of blood is low</i>	P2	Lebih/banyak ADH dirembeskan <i>More ADH secreted</i>	<u>Kurang</u> ADH dirembeskan <i>Less ADH (secreted)</i>	P3	Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct more permeable to water</i>	Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct less permeable to water</i>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>	<p>10</p>
	R	S													
P1	Tekanan osmotik tinggi <i>Osmotic pressure of blood is high</i>	Tekanan osmotik rendah <i>Osmotic pressure of blood is low</i>													
P2	Lebih/banyak ADH dirembeskan <i>More ADH secreted</i>	<u>Kurang</u> ADH dirembeskan <i>Less ADH (secreted)</i>													
P3	Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct more permeable to water</i>	Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap air <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct less permeable to water</i>													

P4	<p><u>Lebih</u> air diserap semula <i>More water reabsorb</i></p>	<p><u>Kurang</u> air diserap semula <i>Less water reabsorb</i></p>	1	
P5	<p><u>Kurang</u> air kencing // Sedikit air kencing <i>Less urine // Small quantity of urine</i></p>	<p>Lebih air kencing // Banyak air kencing <i>More urine // Large quantity of urine</i></p>	1	
P6	<p>Air kencing lebih pekat <i>Concentration of urine is high</i></p>	<p>Air kencing cair / sedikit <i>Concentration of urine is low / dilute</i></p>	1	
P7	<p><u>Kurang</u> aldosterone dirembeskan <i>Less aldosterone (secreted)</i></p>	<p><u>Lebih</u> aldosterone dirembeskan <i>More aldosterone (secreted)</i></p>	1	
P8	<p>Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>kurang</u> telap garam <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct less permeable to salt</i></p>	<p>Nefron / tubul berlingkar distal / ductus pengumpul menjadi <u>lebih</u> telap garam <i>Nephron / distal convoluted tubule / collecting duct more permeable to salt</i></p>	1	
P9	<p><u>Kurang</u> garam diserap semula <i>Less salt reabsorbed</i></p>	<p>Lebih banyak garam diserap semula <i>More salt reabsorbed</i></p>	1	
P10	<p><u>Lebih</u> garam dalam air kencing <i>More salt in urine</i></p>	<p><u>Kurang</u> garam dalam air kencing <i>Less salt in urine</i></p>	1	
P11	<p>Tekanan osmotik menurun kebalikan ke normal <i>Osmotic pressure decreased to normal / back to normal</i></p>	<p>Tekanan osmotik meningkat kebalikan ke normal <i>Osmotic pressure decreased to normal / back to normal</i></p>	1	
[Any 10]				
			Jumlah	20

Soalan	Skema Pemarkahan	Sub Markah	Markah
--------	------------------	------------	--------

10 (a) (i)	<p>Hormon X: Estrogen <i>Hormone X: Oestrogen</i></p> <p>Fungsi: Memulih dan memperbaiki endometrium (selepas haid) // merangsang penebalan endometrium. <i>Function: Repairs and recover the endometrium (after menstruation) // stimulates the thickening of endometrium</i></p> <p>Hormon Y: Progesterone <i>Hormone Y: Progesterone</i></p> <p>Fungsi: Merangsang penebalan endometrium dengan menjadikannya lebih tebal, (berlipat-lipat dan) kaya dengan salur darah (bagi persediaan untuk penempelan embrio). <i>Function: stimulates the thickening of endometrium, making it thicker, (folded and) rich in blood vessels (to prepare or the implantation of embryo).</i></p>	1 1 1 1	4
(a)(ii)	<p>P1: aras hormon androgen yang tinggi <i>High level of androgens</i></p> <p>P2: menyebabkan oosit sekunder tidak dilepaskan dari ovari ke tiub falopio / ovulasi tidak berlaku <i>Causes secondary oocyte is not released from ovary into fallopian tube / ovulation does not take place</i></p> <p>P3: tiada oosit sekunder untuk disenyawakan <i>No secondary oocyte to fertilise</i></p> <p>P4: persenyawaan tidak dapat berlaku <i>Fertilization does not occur</i></p> <p>P5: aras progesterone yang rendah <i>Low level of progesterone</i></p> <p>P6: menyebabkan tiada penebalan endometrium dan penghasilan lebih banyak kapilari darah <i>causes endometrium will not thickened and development of more blood capillary does not take place</i></p> <p>P7: dinding endometrium tidak luruh <i>endometrium wall does not break down / shed off</i></p> <p>P8: tiada haid berlaku <i>menstruation does not occur</i></p> <p>P9: tiada rangsangan perembesan hormon FSH / LH / estrogen <i>Secretion of hormones FSH /LH/ oestrogen are not stimulated</i></p>	1 1 1 1 1 1 1 1	Max: 5

	P10: menyebabkan ketidakaturan haid berlaku <i>causes irregular menstrual periods</i> Mana-mana 5P / Any 5P	1													
(b) (i)	P1: Q ialah fasa pertumbuhan pesat <i>Q is exponential phase</i> P2: kadar pertumbuhan paling tinggi <i>The highest growth rate</i> P3: pembahagian sel dan pemanjangan sel berlaku dengan sangat aktif <i>cell division and elongation occurs actively</i> P4: Saiz organisma bertambah dengan cepat <i>Organism size increase rapidly</i> Mana-mana 2P / any 2P	1 1 1 1	Max 2												
(b)(ii)	PERSAMAAN P1: Proses pertumbuhan kedua-dua adalah tidak berbalik / kekal <i>Both growth process is irreversible / permanent</i> P2: Kedua-dua melibatkan penambahan sel / saiz / isipadu / jisim badan organisma <i>Both involve the increases in the number of cells / size / volume / weight of the organism's body.</i> P3: Kedua-dua pertumbuhan melibatkan pembezaan / pengkhususan sel <i>Both growths involve in cell differentiation / specialization.</i> P4: Kedua-dua pertumbuhan penting untuk perkembangan dan kematangan sistem-sistem badan. <i>Both growths are important for the development and maturation of bodily systems</i> PERBEZAAN <table border="1"> <thead> <tr> <th></th> <th>Pertumbuhan manusia <i>Human growth</i></th> <th>Pertumbuhan belalang <i>Grasshopper growth</i></th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>P5</td> <td>Lengkung pertumbuhan sigmoid / bentuk S <i>Sigmoid growth curve / S shape</i></td> <td>Lengkung pertumbuhan berbentuk tangga <i>Growth curve is staircase shape</i></td> </tr> <tr> <td>P6</td> <td>Pertumbuhan selanjat / berterusan <i>Do not have intermittent growth / has continuous growth</i></td> <td>Pertumbuhan tidak selanjat / tidak berterusan <i>Has intermittent growth / not continuous growth / discontinuous</i></td> </tr> <tr> <td>P7</td> <td>Tidak melalui siri ekdisis</td> <td>Melalui siri ekdisis</td> </tr> </tbody> </table>		Pertumbuhan manusia <i>Human growth</i>	Pertumbuhan belalang <i>Grasshopper growth</i>	P5	Lengkung pertumbuhan sigmoid / bentuk S <i>Sigmoid growth curve / S shape</i>	Lengkung pertumbuhan berbentuk tangga <i>Growth curve is staircase shape</i>	P6	Pertumbuhan selanjat / berterusan <i>Do not have intermittent growth / has continuous growth</i>	Pertumbuhan tidak selanjat / tidak berterusan <i>Has intermittent growth / not continuous growth / discontinuous</i>	P7	Tidak melalui siri ekdisis	Melalui siri ekdisis	1 1 1 1 1 1	Max 10
	Pertumbuhan manusia <i>Human growth</i>	Pertumbuhan belalang <i>Grasshopper growth</i>													
P5	Lengkung pertumbuhan sigmoid / bentuk S <i>Sigmoid growth curve / S shape</i>	Lengkung pertumbuhan berbentuk tangga <i>Growth curve is staircase shape</i>													
P6	Pertumbuhan selanjat / berterusan <i>Do not have intermittent growth / has continuous growth</i>	Pertumbuhan tidak selanjat / tidak berterusan <i>Has intermittent growth / not continuous growth / discontinuous</i>													
P7	Tidak melalui siri ekdisis	Melalui siri ekdisis													

		<i>Not undergoes series of ecdysis</i>	<i>Undergoes series of ecdysis /moulting process</i>	1	
	P8	Tidak mempunyai peringkat instar <i>Does not have instar stage</i>	Mempunyai peringkat instar <i>Have instar stage</i>	1	
	P9	Mempunyai 6 fasa pertumbuhan <i>Have 6 growth phases</i>	Tidak mempunyai fasa pertumbuhan <i>Does not have phases of growth</i>	1	
	P10	Pertumbuhan berlaku secara perlahan-lahan dan beransur-ansur <i>Slow growth continuously</i>	Pertumbuhan berlaku secara berkala <i>Periodically growth</i>	1	
	P11	Perubahan bentuk badan <i>Changes in body shape</i>	Tiada perubahan bentuk badan <i>No change in body shape</i>	1	
	P1-P4 sekurang-kurangnya 1 <i>P1-P4 at least 1</i>				
				Jumlah	20

Soalan	Peraturan Pemarkahan	Markah
